

Lebih RM100 juta dilucut hak

SENIOR Asisten Komisioner Fazlisyam Abd Majid berkata, statistik sejak tahun 2020 hingga Mei lalu merekodkan lebih RM147 juta berjaya dilucut hak dan ia tidak termasuk nilai bagi mata wang asing serta unit saham.

“Tindakan ini hasil 406 kertas siasatan yang dibuka dengan pelbagai aset membabitkan jumlah lebih RM850 juta dibeku dan RM956 juta disita,” katanya.

Jelas beliau, pengubahan wang haram bukan bermaksud hanya sekadar melakukan jenayah dan menikmati hasil haram tetapi juga membantu mengubah, memindah, menyembunyikan dan mengubah rupa bentuk.

Justeru, katanya, AMLA tidak mahu penjenayah sewenang-wenangnya menikmati aktiviti haram yang dilakukan.

“AMLA Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi lain untuk memastikan pematuhan semua pihak yang termaktub dalam akta ini.

“Dalam memastikan tindakan yang dilakukan sentiasa di landasan terbaik, negara kita tertakluk dengan kehendak dunia di mana usaha memerangi jenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dipantau Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) dan Kumpulan Asia Pasifik (APG).

“Di peringkat domestik, tindakan memerangi jenayah ini juga diselaras oleh beberapa agensi lain seperti BNM, Pusat Jenayah Kewangan Kebangsaan (NFCC) dan beberapa sekretariat yang dianggotai semua pihak berkuasa terlibat,” jelas Fazlisyam.

STATISTIK PENGUBAHAN WANG HARAM

A. Kertas siasatan dibuka

2020: 164 2021: 174 2022 (Jan-Mei): 68

B. Tindakan pembekuan

Jenis aset	2020	2021	Jan-Mei 2022
Akaun	RM205,964,889	RM372,767,944	RM110,829,211
Amanah saham	RM535,418	RM1,215,394	-
Kenderaan	RM7,614,200	RM9,139,000	RM2,207,888
Hartanah	RM8,387,000	RM352,534,100	RM1,150,000
JUMLAH	RM222,501,507	RM735,656,438	RM114,187,099

C. Statistik Penyitaan

Jenis aset	2020	2021	Jan-Mei 2022
Akaun	RM105,442,656	RM241,435,855	RM105,859,381
Amanah saham	-	RM535,418	-
Kenderaan	RM12,860,525	RM21,635,755	RM17,371,902
Hartanah	RM17,875,000	RM359,904,900	RM22,035,000
Wang tunai	RM7,596,569	RM8,047,616	RM51,390
Cek bank	RM20,429.87	RM982,003	RM41,852
Kripto	-	RM3,399,691	-
Lain-lain	156,549,185 unit saham	RM31,725,600 dan 35,081,874 unit saham	RM75,415
JUMLAH	RM143,795,180	RM667,666,841	RM145,434,941

D. Statistik lucut hak

*2020
RM40,657,703; 114,288,580 unit saham

*2021
RM48,826,008; 2,700 pound sterling; 2,870,000 rupee Sri Lanka; dan 82,260,020 unit saham

*2022 (Jan-Mei)
RM57,717,221

Sejarah AMLA PDRM

- Pada tahun 2005 kes jenayah pengubahan wang haram disiasat oleh Bahagian D5 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman
- Tahun 2010, AMLA diletakkan di bawah Pasukan Petugas Khas (Operasi/Anti Pengganas)
- AMLA diletakkan di bawah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman
- Tahun 2016 AMLA kemudian telah diletakkan di bawah Urusetia Ketua Polis Negara
- Pada April 2020, AMLA diserap semula di JSJK Bukit Aman